

18 AUG 1999

MTUC GESA PM BERTINDAK SEGERA SELESAIKAN MASALAH KAUM PEKERJA

KUALA LUMPUR, Aug 18 (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertindak segera menyelesaikan beberapa isu tertangguh yang membabitkan kaum pekerja dan kesatuan sekerja.

Dalam memorandum kepada Dr Mahathir, MTUC meminta beliau bertindak segera menyelesaikan beberapa isu penting seperti mengkaji tangga gaji sektor awam setiap tiga tahun, soal perumahan, mengkaji ketidakberkesanan penswastaan, menyokong hak pekerja untuk menganjur dan memperkenalkan tangga gaji minimum.

"MTUC telah menyahut seruan Perdana Menteri supaya menyokong usaha kerajaan mengatasi krisis ekonomi. Kami dengan bangga melaporkan disebalik tekanan yang dihadapi oleh anggota kesatuan, badan gabungan MTUC turut mengambil berat arahan kami supaya mengekalkan keamanan."

"Kami bangga kerajaan berjaya mengatasi masalah ekonomi dengan segera. Oleh itu, kami menggesa kerajaan supaya mengambil langkah positif mengatasi pula isu-isu yang membabitkan kaum pekerja," kata setiausaha agung MTUC G.Rajasekaran dalam satu kenyataan hari ini.

Memorandum lima muka yang ditandatangani oleh Rajasekaran dan presiden MTUC Zainal Rampak telah dihantar ke pejabat Perdana Menteri, Isnin lepas.

Ia menggariskan permintaan pergerakan kesatuan sekerja selepas mengadakan beberapa rundingan antara MTUC dan 180 badan gabungannya yang mewakili 420,000 kaum pekerja.

-- BERNAMA

sbj ZB